

Ucapan  
Prof. Dato' Dr Musa Ahmad  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena  
**HARI PENDAFTARAN PELAJAR KOLEJ PERMATA INSAN 2016**

Kolej Permata Insan  
10.30 Pagi  
16 Januari 2016M (Sabtu)

---

*Terima kasih Saudara/i pengacara majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam 1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakan setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita semua diberi kesempatan berkumpul pada hari ini sempena Hari Pendaftaran Pelajar Kolej Permata Insan Tahun 2016. Terima kasih diucapkan kepada Kolej Permata Insan kerana sudi menjemput saya untuk memberikan sepatah dua kata pada hari ini. Saya mewakili pengurusan USIM ingin mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada pelajar-pelajar yang baharu serta ibu bapa ke Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kami berbesar hati dengan kehadiran anda semua dan semoga pertemuan ini mendapat rahmat dan mampu menyemai ukhwah di antara kita sesama Muslim. InshaAllah.
2. Seperti yang dimaklumi, Program PERMATA Insan merupakan kesinambungan dan perluasan daripada Program PERMATA yang dinaungi oleh isteri YAB Perdana Menteri Malaysia iaitu, YABhg.

Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor. Program ini telah dilancarkan secara rasminya oleh YABhg Datin Seri Paduka Rosmah Mansor di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 12 Mac 2010. Pengambilan kumpulan pertama Pra-Kolej adalah pada tahun 2010 dan setelah mengikuti modul pembelajaran Permata Insan, mereka menjejakkan kaki ke Mini Universiti yang dikenali sebagai Kolej Permata Insan ini. Tahun lepas diperlihatkan bahawa seramai 49 orang pelajar Kolej Permata Insan USIM telah mendaftarkan diri di sini dan pada tahun ini, kita berjaya menghasilkan generasi kedua didikan pra-Kolej seramai 65 orang. Alhamdulillah.

Hadirin sekalian,

3. Mengimbau tarikh 17 Januari 2015, Kolej Permata Insan telah menyambut pendaftaran kumpulan pertama pelajar seramai 48 orang yang terdiri daripada 29 pelajar lelaki dan 19 pelajar perempuan. Ini merupakan suatu detik bersejarah bagi USIM kerana buat julung kalinya USIM menerima barisan pelajar pintar cerdas yang telah mengikuti program Pra-Kolej Permata Insan sejak berusia 8 tahun lagi. Syukur kepada Allah SWT kerana pada hari ini, 16 Januari 2016, Kolej PERMATA Insan menerima kehadiran 65 orang pelajar baharu bagi pengambilan kedua sejak kolej ini beroperasi. Saya mewakili seluruh warga USIM mengucapkan selamat datang kepada semua dan tahniah diucapkan kepada para pelajar dan ibu bapa kerana telah berjaya melepasi setiap saringan pengambilan pelajar Kolej PERMATA Insan. Syabas diucapkan!!
4. Kita juga bersyukur kepada Allah SWT dengan usaha dan inisiatif kerajaan dengan pembinaan Kompleks Permata Insan di dalam

kampus USIM ini, yang dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur terkini bagi tujuan program pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar-pelajar pintar cerdas dari seluruh negara. Walaupun Kompleks Permata Insan masih dalam fasa pembinaan, pihak pengurusan Kolej Permata Insan telah berjaya menyediakan penempatan dan kemudahan prasarana yang baik bagi pelajar sesi akademik 2015 dan memastikan pelaksanaan program akademik dan kokurikulum berjalan dengan lancar. Secara umumnya, fasa pembinaan Kolej Permata Insan masih lagi berterusan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung Februari 2016. Marilah bersama-sama kita doakan agar proses pembinaan ini berjalan dengan lancar supaya anak-anak kita dapat meneruskan sesi pembelajaran dengan tenang dan selesa.

5. Kurikulum Kolej Permata Insan USIM menggunakan sepenuhnya kurikulum Kolej PERMATA pintar UKM. Ia selaras dengan matlamat memperkasakan ilmu sains dan teknologi dalam kalangan pelajar program Permata Insan. Kolej Permata Insan USIM juga telah berjaya didaftarkan sebagai entiti Institusi Pengajian Bantuan Kerajaan (IPBK) di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada masa yang sama, para pelajar turut didedahkan dengan pendekatan integrasi ilmu Naqli dan Aqli sejajar dengan matlamat pendidikan dan bidang bitara USIM sendiri. Penekanan aspek integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap kursus dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Di sini juga, para pelajar turut mengikuti kursus tambahan iaitu Hafazan al-Quran dan Pengajian As Sunnah. Sasaran yang ditetapkan adalah pelajar-pelajar Kolej PERMATA Insan akan menjadi hafiz dan hafizah dalam tempoh 3 tahun, di samping

memahami dan mengintegrasikan pemahaman Al-Quran di dalam setiap subjek akademik yang dipelajari. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, Kolej Permata Insan USIM menggunakan pendekatan Pembelajaran Abad 21 (*21<sup>st</sup> Century Learning*). Para pelajar Permata Insan didedahkan dan dilatih menggunakan teknologi dalam pembelajaran seperti peranti iPad, Apple TV dan aplikasi pengajaran dan pembelajaran yang banyak tersedia di dalam sistem pengoperasian.

Hadirin Sekalian,

6. Izinkan saya untuk mengimbau beberapa kejayaan dan pencapaian para pelajar kita sepanjang tahun 2015 yang lalu yang telah mengharumkan nama USIM dan Kolej PERMATA Insan itu sendiri. Para pelajar Kolej Permata Insan telah mengikuti program *Apple Islamic Education Summit 2015* di Hotel Pullman, Putrajaya pada bulan Jun 2015 di mana para pelajar kita telah berkongsi pengalaman menggunakan perisian dan peralatan Apple dalam menterjemahkan isi pembelajaran dan pemahaman mereka dalam mata pelajaran yang diikuti. Pada Ogos 2015, mereka sekali lagi telah dijemput ke Wacana Perdana 2015 Institut Aminuddin Baki di Bandar Enstek untuk mempersembahkan Pembelajaran Abad 21 di hadapan 500 orang pengetua, Timbalan Pengetua, pemimpin sekolah rendah dan menengah, pensyarah dan pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sejarah turut melakarkan kejayaan para pelajar Kolej PERMATA Insan apabila telah berjaya merangkul satu pingat Emas, satu pingat Perak dan dua pingat Gangsa di *World Creativity Festival Korea 2015*. Para pelajar kita juga telah menyertai pertandingan Hafazan Al-Quran *8<sup>th</sup> Annual*

*Quran Memorization Competition “Crown of dignity”* di Saudi School Kuala Lumpur, begitu juga pertandingan Hafazan dan Tilawah Al-Quran yang dianjurkan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM.

7. Di dalam konteks Islam, generasi muda merupakan pencorak peradaban bangsa pada masa depan. Prof Dr Yusuf Al-Qardhawi berkata:

“Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dalam kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur. Tetapi jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku kelak”.

Justeru saya berharap agar pelajar-pelajar Permata Insan USIM mampu menjadi pemimpin Islam yang bukan sahaja hebat di dunia malah berjaya di akhirat.’

**Terbang Sekawan Burung Tempua  
Gigih Berteman Salam Dihulur  
Hadirnya Tuan Dirai Semua  
Tanda Ingatan Jiwa Nan Luhur**

8. Akhir kalam, saya mewakili pihak universiti sekali lagi merakamkan jutaan tahniah kepada seluruh pelajar dan ibu bapa yang telah berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian menengah di Kolej PERMATA Insan. Kami warga USIM berasa amat bertuah dengan

kehadiran warga baru kolej dan semoga kehadiran para pelajar sekalian akan menambahkan lagi seri di dalam kolej ini dan bersedia untuk mempelajari segenap perkara bagi melahirkan cendekiawan Islam terulung.

Sekian, assalamualaikum wbt.